

**GARIS PANDUAN
JAWATANKUASA PENAMAAN GEOGRAFI
NEGERI (JPGN)**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
PEMBANGUNAN BANDAR**

EDISI TAHUN 2023

ISI KANDUNGAN

| PERKARA | | MUKA SURAT |
|---------|--|------------|
| 1.0 | Tujuan | 3 |
| 2.0 | Latar Belakang | 3 - 4 |
| 3.0 | Punca Kuasa | 5 |
| 4.0 | Terma Rujukan JPGN Untuk Mempertimbangkan Kelulusan | 5 |
| 5.0 | Proses Penentuan Nama Geografi Negeri | 6 |
| | 5.1 Pihak yang menyediakan kertas cadangan | 6 |
| | 5.2 Prosedur penyediaan kertas cadangan | 6 |
| | 5.3 Kriteria Penamaan | 7 - 9 |
| | 5.4 Kompilasi Kertas Cadangan | 9 |
| 6.0 | Kelulusan Kertas Cadangan | 10 |
| | 6.1 Pihak yang memperakukan dan meluluskan kertas cadangan | 10 |
| 7.0 | Pengemaskinian Data Dan Pemasangan Papan Tanda | 10 |
| 8.0 | Penggunaan Bahasa Malaysia Pada Papan Tanda | 10 |
| 9.0 | Carta Alir Penamaan Geografi Negeri | 11 |
| | Lampiran A – <i>Format Kertas MMKN dan Executive Summary</i> | 12 - 13 |
| | Lampiran B – <i>Jadual Cadangan Penamaan Jalan, Lorong dan Ciri-ciri Geografi</i> | 14 |
| | Lampiran C – <i>Jadual Cadangan Penamaan Taman, Perumahan dan Bangunan Perniagaan</i> | 15 |
| | Lampiran D – <i>Garis Panduan bagi Pemberian Nama Jalan / Lorong yang melibatkan Nombor Ganjil / Genap atau Abjad</i> | 16 |
| | Lampiran E – <i>Contoh Format Pelan (JPGN & MMKN)</i> | 17-18 |

1.0 TUJUAN

- 1.1 Untuk menyeragamkan penamaan dan penamaan semula jalan, lorong, taman perumahan serta ciri-ciri geografi seperti tasik, kolam, lembah dan jurang;
- 1.2 Untuk menyeragam penggunaan perkataan termasuk ejaan nama jalan, tempat dan ciri-ciri geografi lain;
- 1.3 Untuk mempertimbangkan penamaan tempat seperti kampung, daerah, bandar dan lain-lain; dan
- 1.4 Untuk mencadangkan penamaan semula jalan, tempat dan ciri-ciri geografi lain.
- 1.5 Untuk mencadangkan penamaan bagi mana-mana entiti tidak bernama seperti pulau, batu terutama sekali yang terletak di perairan Sarawak.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis panduan ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengawal dan menentukan arah pembangunan dengan lebih terkawal, sistematik dan terancang.
- 2.2 Garis panduan ini mengandungi perkara-perkara utama seperti tujuan, sumber kuasa, skop kerja, proses kerja, kriteria penentuan nama permohonan nama tempat awam, jalan, lorong dan taman perumahan.
- 2.3 Ahli-ahli Jawatankuasa Penamaan Geografi Negeri (JPGN) telah dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada tahun 1971 dan telah dikemaskini pada tahun 2023. Berikut merupakan ahli-ahli JPGN yang telah dilantik setakat ini:-

| | Pegawai/Kementerian/Agensi | Jawatan |
|---|---|----------------|
| 1 | Setiausaha Tetap Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar | Pengerusi |
| 2 | Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak | Ahli |

| | Pegawai/Kementerian/Agensi | Jawatan |
|----|--|----------------|
| 3 | Pengarah Jabatan Tanah dan Survei Sarawak | Ahli |
| 4 | Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak | Ahli |
| 5 | Pengarah Jabatan Hutan Sarawak | Ahli |
| 6 | Pengarah Jabatan Muzium Sarawak | Ahli |
| 7 | Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuching Utara | Ahli |
| 8 | Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan | Ahli |
| 9 | Setiausaha Majlis Perbandaran Padawan | Ahli |
| 10 | Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Bintulu | Ahli |
| 11 | Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia Cawangan Sarawak | Ahli |
| 12 | Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Sarawak | Ahli |
| 13 | Bahagian Perancangan Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar | Ahli |
| 14 | Bahagian Tanah Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar | Urus setia |

3.0 PUNCA KUASA

- 3.1 Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) pada 14 September 2023 ruj. 172/GPS-650(8)/2023 melalui ekstrak mesyuarat telah menurunkan kuasa melulus kepada Jawatankuasa Penamaan Geografi Negeri (JPGN) untuk meluluskan mana-mana penamaan jalan, lorong, taman perumahan dan ciri-ciri geografi lain selain daripada **penggunaan nama tokoh dan entiti tidak bernama** selaras dengan peruntukan Seksyen 103 *Local Authorities Ordinance*, 1996 seperti berikut:-

"Majlis agreed on the request by the Ministry to empower Jawatankuasa Penamaan Geografi Negeri Sarawak the authority to name / rename road / lane / housing parks that do not involve the names of leaders."

- 3.2 Sehubungan dengan itu, mana-mana permohonan untuk penamaan jalan, lorong dan taman perumahan yang tidak melibatkan nama tokoh akan dibawa ke mesyuarat JPGN.
- 3.3 Manakala bagi penamaan ciri-ciri geografi lain (pulau dan entiti) dan penamaan yang melibatkan nama tokoh masih kekal untuk dibawa ke MMKN untuk pertimbangan dan kelulusan mengikut format kertas MMKN seperti di **Lampiran "A"**.

4.0 TERMA RUJUKAN JPGN UNTUK MEMPERTIMBANGKAN KELULUSAN

- 4.1 Semua pihak berkuasa tempatan dan agensi lain diarahkan merujuk kepada Jawatankuasa untuk mendapatkan persetujuan bagi cadangan penamaan jalan dan tempat lain di kawasan mereka.
- 4.2 Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan supaya semua kapal, bangunan atau struktur lain, serta tempat, tidak lagi diberi nama "Kenyalang" bagi memelihara martabat Burung Kenyalang yang telah digunakan sebagai Simbol Negeri.

5.0 PROSES PENENTUAN NAMA GEOGRAFI NEGERI

5.1 Pihak yang menyediakan kertas cadangan

- a. Permohonan daripada individu, syarikat, organisasi perlu melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/JKR untuk penyediaan kertas penamaan;
- b. Agensi Jabatan Tanah dan Survei (JTS) melibatkan permohonan penamaan pulau dan entiti tidak bernama; dan
- c. Urus setia Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar menerima dan membuat kompilasi ke atas kertas cadangan MMKN melibatkan nama tokoh yang di terima daripada PBT dan JTS untuk dikemukakan ke MMKN bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan.

5.2 Prosedur penyediaan kertas cadangan

- 5.2.1 Permohonan penamaan jalan, lorong, taman perumahan dan ciri-ciri geografi lain hendaklah dikemukakan kepada PBT berserta maklumat berikut :-
 - a. Nama penuh yang dicadangkan untuk penamaan jalan dan lorong;
 - b. Mengemukakan pelan yang jelas menunjukkan lokasi dan tempat dengan warna yang jelas bagi setiap cadangan;
 - c. Sebab penamaan atau perubahan nama itu dicadangkan;
 - d. Asal-usul, sejarah, makna nama yang dicadangkan atau nama yang diubah (jika berkenaan); dan
 - e. Bagi jalan, lorong, taman perumahan dan ciri-ciri geografi lain yang belum bernama, asas pengetahuan mengapa ia belum bernama.
- 5.2.2 Bagi penamaan yang melibatkan nama tokoh, orang yang namanya akan diabadikan hendaklah terdiri daripada orang yang telah meninggal dunia dan telah memberi sumbangan yang bermakna kepada komuniti sekitar khususnya dan Kerajaan Sarawak amnya.
- 5.2.3 Cadangan kepada PBT hendaklah disertakan dengan maklumat tentang orang yang diberi penghormatan itu seperti berikut:-
 - a. Tokoh yang telah meninggal dunia,
 - b. Nama penuh;
 - c. Tarikh lahir dan tarikh kematian;

- d. Sejarah hidup ringkas dan sumbangan kepada Komuniti sekitar dan Kerajaan Sarawak dan penduduk setempat tentang orang yang diberikan penghormatan itu; dan
- e. Hendaklah disertakan kebenaran bertulis waris.

5.2.4 Penilaian cadangan juga perlu menyertakan had kawasan dan bukti yang menunjukkan sokongan tempatan bagi nama yang dicadangkan. Bukti tersebut bolehlah dalam bentuk:-

- a. Surat daripada pihak yang mencadangkan, kumpulan etnik atau pihak berkuasa tempatan;
- b. Surat sokongan daripada ketua komuniti setempat ke atas nama yang dicadangkan; dan
- c. Penerbitan-penerbitan lain yang dapat menyokong permohonan.

5.2.5 PBT hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat sokongan yang diterima;

5.2.6 PBT perlu melakukan penyelidikan lanjut termasuk merujuk kepada agensi-agensi kerajaan lain jika perlu (seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Sejarah dan Muzium);

5.3 Kriteria Penamaan

5.3.1 Permohonan penamaan atau penamaan semula hendaklah mengikut kriteria-kriteria seperti berikut:-

(a) Jalan

- (i) Berfungsi sebagai jalan utama, contohnya Kuching-Sri Aman *Trunk Road*, Kuching *By-Pass*, Jalan Tun Openg, Jalan Tun Abdul Rahman dan lain-lain;
- (ii) Menghubungkan jalan utama ke bandar;
- (iii) Menghubungkan antara bandar;
- (iv) Jalan protokol atau jalan raya ke pusat bandar, contohnya Jalan Lapangan Terbang; dan
- (v) Panjang jalan sekurang-kurangnya **600 meter** ke atas.

(b) Lorong

- (i) Berfungsi menyediakan jalan akses masuk ke hartanah (contohnya rumah). Merupakan jalan mati atau laluan berpusing;
- (ii) Nama lorong bagi jalan baru atau jalan yang lorongnya belum diberi nama, dipendekkan dengan menggunakan angka dan abjad sahaja kerana nama jalan sudah diketahui; dan
- (iii) Panjang lorong **tidak melebihi 600 meter**.

Contoh:

- Lorong bagi Jalan Kilang ditulis sebagai Lorong Kilang 1;
- Cabang kepada Lorong Kilang 1 ditulis sebagai Lorong Kilang 1A; dan
- Cabang kepada Lorong Kilang 1A ditulis sebagai Lorong Kilang.

(c) Taman Perumahan, Taman Awam Dan Bangunan Perindustrian

- (i) Minit Jawatankuasa Penamaan Geografi Negeri Bilangan 1 Tahun 2023 menetapkan cadangan penamaan nama kawasan Perumahan, Taman dan Bangunan Perindustrian perlu dikemukakan kepada Bahagian Perancangan, MUDeNR terlebih dahulu untuk semakan dan komen. Cadangan seterusnya dikemukakan kepada Urus Setia untuk dibentangkan dalam mesyuarat JPGN untuk kelulusan.
- (ii) Pemaju perumahan yang ingin mencadangkan nama bagi sesuatu kawasan perumahan hendaklah terlebih dahulu mengemukakan kepada PBT yang bertanggungjawab bagi sesuatu kawasan tersebut.
- (iii) PBT tersebut mempunyai kuasa untuk meminda, menyokong atau tidak menyokong nama yang dicadangkan sebelum dikemukakan ke JPGN.
- (iv) Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab PBT untuk mendapatkan butiran lengkap mengenai sesuatu cadangan bagi kawasan perumahan (sama ada daripada pemaju, majlis tempatan itu sendiri atau dari pihak-pihak lain) sebelum dikemukakan kepada

Bahagian Perancangan, Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar untuk semakan dan komen.

- (v) Perkara-perkara berikut perlu diambil kira semasa mengemukakan cadangan penamaan baharu atau penamaan semula :-
- Seboleh-bolehnya kawasan dinamakan mengikut nama tempat atau ciri-ciri geografi bagi kawasan tersebut;
 - Satu kawasan boleh mempunyai lebih daripada satu taman;
 - Mempunyai tempat rekreasi; dan
 - Nama kawasan akan digunakan sebagai nama dasar bagi Taman di kawasan tertentu.

Contoh :

- Nama kawasan: Semariang
- Nama Taman: Semariang Batu, Semariang Indah

5.3.2 PBT hendaklah mengemukakan cadangan penamaan baharu dan penamaan semula bagi jalan, lorong, taman perumahan dan ciri-ciri geografi lain menggunakan jadual seperti di **Lampiran "B"** dan **Lampiran "C"** berserta pelan seperti di **Lampiran "D"**; dan

5.3.3 Penggunaan untuk abjad **'I'** dan **'O'** tidak digalakkan bagi mengelakkan kekeliruan kerana kedua-dua abjad tersebut menyerupai nombor '1' dan '0'. Panduan bagi pemberian nama jalan dan lorong yang melibatkan nombor ganjil/genap atau abjad seperti di **Lampiran "E"**.

5.4 Kompilasi Kertas Cadangan

5.4.1 Urus Setia JPGN menerima dan membuat kompilasi kertas cadangan daripada PBT untuk dibentangkan dalam mesyuarat JPGN.

5.4.2 Urus Setia JPGN menerima dan membuat kompilasi kertas cadangan MMKN daripada PBT untuk dikemaskini dalam e-MMKN oleh Urusetia MMKN di Kementerian.

6.0 KELULUSAN KERTAS CADANGAN

6.1 Pihak yang memperakukan dan meluluskan kertas cadangan

- a. Penamaan baharu atau perubahan nama jalan, lorong, taman perumahan dan ciri-ciri geografi lain akan diluluskan oleh JPGN;
- b. Penamaan nama tokoh dan penamaan entiti tidak bernama akan diluluskan oleh MMKN.

7.0 PENGEMASKINIAN DATA DAN PEMASANGAN PAPAN TANDA


Urus Setia JPGN hendaklah memaklumkan kelulusan kertas cadangan oleh JPGN kepada Jabatan Tanah dan Survei Sarawak dan Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak bagi tujuan pengemaskinian nama jalan, lorong dan ciri-ciri geografi dalam Peta Topografi dan Pelan Kadaster dan kepada PBT/JKR/JTS untuk pemasangan papan tanda oleh pihak yang bertanggungjawab.

Tiada gazet/warta dikemukakan selepas kelulusan kerana tiada peruntukan perundangan yang memerlukan pewartaan berkenaan.

8.0 PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA PADA PAPAN TANDA

Nama pada papan tanda bagi jalan atau lorong hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia sahaja kecuali arahan pihak Kerajaan Sarawak bagi penggunaan bahasa tambahan seperti Jawi.

9.0 CARTA ALIR PENAMAAN GEOGRAFI NEGERI



FORMAT KERTAS MMKN

**Rujukan
Kementerian:**

**Rujukan
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri:**

**MEMORANDUM DARIPADA
MENTERI SUMBER ASLI DAN PEMBANGUNAN BANDAR**

TAJUK :

- 1. Objektif**
- 2. Latar Belakang**
- 3. Cadangan**
- 4. Justifikasi**
- 5. Implikasi Kewangan**
- 6. Komen Daripada SEDC/SOD/SCC/DGC/Lain-Lain**
- 7. Ulasan Setiausaha Kewangan Negeri, Peguam Besar Negeri dan Setiausaha Kerajaan Sarawak**
 - 7.1 Setiausaha Kewangan Negeri**
 - 7.2 Peguam Besar Negeri**
 - 7.3 Setiausaha Kerajaan Sarawak**

**8. Maklum Balas Kepada Ulasan Setiausaha Kewangan Negeri,
Peguam Besar Negeri dan Setiausaha Kerajaan Sarawak**

9. Saranan/Syor

**(YAB DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) ABANG HAJI ABDUL
RAHMAN ZOHARI BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG)
MENTERI SUMBER ASLI DAN PEMBANGUNAN BANDAR**

Tarikh :

EXECUTIVE SUMMARY OF MMKN PAPER

Tajuk

Note Penyediaan MMKN:

Please also submit (i) soft copy of the paper and (ii) Executive Summary not exceeding 1 page to be used by respective Minister, Secretary and Secretariat.

Top and left margin : 1¼ inch (3.175 cm)

Bottom and right margin : 1 inch (2.54 cm)

Font : Times New Roman

Size : 15

Spacing : Single

SS : STATE SECRETARY SARAWAK

SAG : STATE ATTORNEY GENERAL SARAWAK

SFS : STATE FINANCIAL SECRETARY SARAWAK

SDEC : STATE DEVELOPMENT EXECUTIVE COMMITTEE

SODC : STATE ORGANIZATION DEVELOPMENT COMMITTEE

SCC : STATE COST COMMITTEE

DGC : DIGITAL GOVERNMENT COMMITTEE

JADUAL CADANGAN PENAMAAN JALAN DAN LORONG (CONTOH JADUAL)

NAMA PBT: DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA

RUJ. KERTAS: 15/DBKU/200-1/18

| No. | Nama Jalan/ Lorong Asal/Ciri-Ciri Geografi | Nama Dicadang | Kelulusan SPA (Jika Ada) | Justifikasi | Ukuran Jalan | | Keputusan JPGN |
|-----|--|---------------|-----------------------------|---|----------------|--------------|-------------------|
| | | | | | Panjang (m) | Lebar (m) | |
| 1. | Lorong Bakti 1 | Tiada | | Pecahan dari Jalan Bakti (sedia ada) | 100m | 25m | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |
| | | | | | | | |

Nota :

- Satu cadangan penamaan jalan/lorong/ciri-ciri geografi hendaklah dijelaskan dalam **Pelan Berasingan** bagi setiap cadangan yang berformat pdf sahaja.
- *Contoh pelan adalah di **Lampiran E***

JADUAL CADANGAN PENAMAAN TAMAN PERUMAHAN, BANGUNAN KOMERSIL & CIRI-CIRI GEOGRAFI
(CONTOH JADUAL)

NAMA PBT: DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA


RUJ. KERTAS: 15/DBKU/200-1/18

| No. | Lokasi>Nama Asal | Nama Dicadang | Justifikasi | Jumlah Unit & Jumlah Keluasan | Rujukan & Tarikh Kelulusan SPA (Jika Ada) | No. Pelan | Keputusan JPGN | Tindakan |
|-----|------------------|---------------|-------------|-------------------------------|---|-----------|----------------|----------|
| 1 | | | | | | | | |
| 2 | | | | | | | | |
| 3 | | | | | | | | |
| 4 | | | | | | | | |
| 5 | | | | | | | | |

Nota :

- Satu **Pelan Berasingan** bagi setiap cadangan yang berformat pdf sahaja menjelaskan tapak perumahan, bangunan komersil & Ciri-Ciri Geografi
- *Contoh pelan adalah di **Lampiran E***

GARIS PANDUAN BAGI PEMBERIAN NAMA JALAN/ LORONG YANG MELIBATKAN NOMBOR GANJIL/GENAP ATAU ABJAD




Nota:

Penggunaan untuk abjad "I" dan "O" tidak digalakkan bagi mengelakkan kekeliruan kerana kedua-dua abjad tersebut

(i) CONTOH FORMAT PELAN (UNTUK KERTAS JPGN)



(ii) CONTOH FORMAT PELAN (UNTUK KERTAS MMKN)



Nota:

Pelan mesti disediakan menurut contoh pelan berlampir ('Legend', Skala, Pelan Kadaster, Pelan Ortofoto, Nama Petunjuk dll)